

**PENGARUH KEPIMPINAN PENGAJARAN  
GURU BESAR, KOMPETENSI  
PROFESIONALISME DAN KOMPETENSI  
PERIBADI GURU TERHADAP EFIKASI  
PENGAJARAN GURU SEKOLAH  
RENDAH DI PEDALAMAN  
SABAH**



**UMS**  
**SERIRAMA EBBIE**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PENGARUH KEPIMPINAN PENGAJARAN  
GURU BESAR, KOMPETENSI  
PROFESIONALISME DAN KOMPETENSI  
PERIBADI GURU TERHADAP EFIKASI  
PENGAJARAN GURU SEKOLAH  
RENDAH DI PEDALAMAN  
SABAH**



**SERIRAMA BIN EBBIE**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGARUH KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU BESAR, KOMPETENSI PROFESIONALISME GURU DAN KOMPETENSI PERIBADI GURU TERHADAP EFIKASI PENGAJARAN GURU DI PEDALAMAN, SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **SERIRAMA EBBIE**, Sesi **2014-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh,

**SERIRAMA EBBIE**  
**DT1411010T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 15 Jun 2022

(Dr. Roslee bin Talip)  
Penyelia Utama

## **PENAKUAN**

Karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Disember 2021

---

Serirama Ebbie  
DT1411010T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **SERIRAMA EBBIE**

NO. MATRIK : **DT1411010T**

TAJUK : **PENGARUH KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU BESAR,  
KOMPETENSI PROFESIONALISME GURU DAN KOMPETENSI  
PERIBADI GURU TERHADAP EFIKASI PENGAJARAN GURU  
SEKOLAH RENDAH DI PEDALAMAN, SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **15 DISEMBER 2021**



**DISAHKAN OLEH,**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

**1. PENYELIA UTAMA**

Dr. Roslee Bin Talip

\_\_\_\_\_

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Dayang Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli

\_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya maka penulisan kajian ini dapat disempurnakan sepertimana yang telah dirancang. Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Dr. Roslee bin Talip selaku penyelia utama dan Dr. Dayang Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli sebagai penyelia bersama kerana sentiasa sabar menangani setiap persoalan yang diajukan dan tidak jemu-jemu untuk mencurahkan ilmu sehingga siapnya kajian dan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah dan kaki tangan FPP dan Pacsa Siswazah UMS yang membantu secara langsung dan tidak langsung sehingga penulisan kajian ini siap sepenuhnya. Saya juga bersyukur kerana ada rakan sekerja yang sentiasa membantu dalam memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan sehingga saya sentiasa fokus dalam menyiapkan penulisan kajian ini. Terima kasih saya ucapkan buat sahabat saya Dr. Losius dan Dr. Marcellus Johnny. Sahabat berdua sememangnya banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih kepada KPM yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melanjutkan pengajian sehingga ke tahap ini. Begitu juga dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, PPD Ranau, semua PPD di Pedalaman, Sabah, para guru besar dan guru-guru yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Akhir kalam, setinggi-tinggi penghargaan buat semua anggota keluarga yang menjadi sumber inspirasi untuk menyelesaikan penulisan kajian ini seterusnya dapat menamatkan pengajian ini. Terima kasih atas doa, pengorbanan, kesabaran dan dorongan sepanjang pengajian ini sehingga selesai. Kejayaan ini saya dedikasikan istimewa buat bapa saya Ebbie LR Madily(Mendiang) dan ibu saya Daimah OT Kunong, merupakan inspirasi utama saya dalam perjalanan pembelajaran saya, anak-anak yang amat saya sayangi Ivan Glenn, Isaac Noell dan Ivano Geo yang sentiasa mencerikan, isteri saya Gaitheh@Malisa Bisi yang selalu ada untuk membantu saya, abang, kakak dan adik saya, George, Faridah, Cherles, Florence, Roseainie, Rositah, Rosmahwati, Geceffarrama dan Chendralila yang sentiasa memberi dorongan untuk menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya anda semua adalah sumber kekuatan kepada saya sehingga tuntas penulisan kajian ini.

Serirama Ebbie  
15 Disember 2021

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji dan mengukur pengaruh kepemimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru dan kompetensi peribadi guru terhadap efikasi pengajaran guru bagi guru-guru sekolah rendah di Pedalaman, Sabah. Kajian ini melibatkan 361 responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di Pedalaman, Sabah. Variabel kajian telah diuji dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan skor min, sisihan piawai, ujian-*t*, ANOVA, korelasi *Pearson* dan regresi berganda. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang diadaptasi daripada *Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)*, Standard Guru Malaysia (SGM) dan *Teacher Efficacy Scale (TES)* bagi mengumpulkan data daripada 361 responden yang telah melengkapkan borang soal selidik, daripada 54 buah sekolah rendah yang melibatkan tujuh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Pedalaman, Sabah. Pensampelan secara rawak digunakan bagi memilih responden dalam kalangan guru manakala pensampelan bertujuan digunakan bagi menentukan bilangan sekolah yang mewakili setiap daerah seperti yang telah ditetapkan. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan bagi menghuraikan dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan pengajaran guru besar (Min = 4.52; SP = 0.313) berada pada tahap sangat tinggi, kompetensi profesionalisme guru (Min = 4.41; SP = 0.295) juga berada pada tahap sangat tinggi dan kompetensi peribadi guru (Min = 4.47; SP = 0.366) juga berada pada tahap sangat tinggi manakala efikasi pengajaran guru (Min = 3.96; SP = 0.358) berada pada tahap tinggi. Data inferensi dianalisis menggunakan Korelasi *Pearson* dan regresi berganda. Analisis Korelasi *Pearson* mendapati hubungan yang signifikan pada aras sederhana kuat antara kepemimpinan pengajaran guru besar dengan efikasi pengajaran guru ( $r=.514$ ), hubungan yang signifikan pada aras kuat antara kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru ( $r=.790$ ) dan hubungan yang signifikan pada aras kuat bagi kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru ( $r=.806$ ). Analisis regresi menunjukkan pengaruh kepemimpinan pengajaran guru besar menyumbang 65 peratus terhadap efikasi pengajaran guru, kepemimpinan pengajaran guru besar dan kompetensi profesionalisme guru menyumbang 65.9 peratus terhadap efikasi pengajaran guru dan kepemimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru dan kompetensi peribadi guru menyumbang 66.5 peratus terhadap efikasi pengajaran guru dan merupakan peramal yang signifikan kepada tahap efikasi pengajaran guru.

## **ABSTRACT**

### **THE INFLUENCE OF HEADMASTER TEACHING LEADERSHIP, TEACHER PROFESSIONALISM COMPETENCE AND TEACHER PERSONAL COMPETENCE ON THE TEACHING EFFICACY OF PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN PEDALAMAN, SABAH**

*This research aims to determine the influence of headmasters teaching leadership level, teachers' professional and personal competence on the efficacy of teachers' teaching amongst primary school teachers in Pedalaman, Sabah. This research involved 361 respondents who are primary school teachers in Pedalaman, Sabah. The research variables have been tested by descriptive statistics and inferencing through mean scores, standard deviation, t-test, ANOVA, Pearson correlation and multiple regression. The instrument used in this research is a questionnaire adapted from the Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS), Standard Guru Malaysia (Malaysian Teachers Standard) and Teacher Efficacy Scale (TES) to collect data from 361 respondents who have completed the questionnaire form comprising of 54 primary schools from over seven District Education Office in Pedalaman, Sabah. Random sampling was used to choose respondents among the teachers while purposeful sampling was used to determine the number of schools that will represent each district has been decided. Descriptive statistics and inference was used to elaborate the research findings. The findings showed that the principal's teaching leadership level (Mean: 4.52, SD: 0.313) is very high, teachers' professional competency (Mean: 4.41, SD: 0.295) is at a very high level, teachers' personal competency (Mean: 4.47, SD: 0.366) is also at a very high level while teachers' teaching efficacy (Mean: 3.96, SD: 0.358) is at a high level. Inference data was analysed by using the Pearson Correlation and multiple regression. The Pearson Correlation analysis found that there is a medium strong significant relationship between principal's teaching leadership level and teachers' teaching efficacy ( $r=.514$ ), strong significant relationship between teachers' professional competency ( $r=.790$ ) and a strong significant relationship between teachers' personal competency and teachers' teaching efficacy ( $r=.806$ ). Regression analysis showed that the influence of principal's teaching leadership level contributed to 65 percent, teachers' professional competency contributed to 65.9 percent and teachers' personal competency contributed to 66.5 percent towards teachers' teaching efficacy and is a significant indicator of the levels of teachers' teaching efficacy.*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>GLOSARI AKRONIM</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Soalan Kajian	8
1.6	Hipotesis kajian	9
1.7	Limitasi Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	15
1.9.1	Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	15
1.9.2	Kompetensi Profesionalisme Guru	19
1.9.3	Kompetensi Peribadi Guru	22
1.9.4	Efikasi Pengajaran Guru	26
1.10	Kesimpulan	27

## **BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	28
2.2	Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	28
2.2.1	Model Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	30
2.2.2	Kajian Lepas Berhubung Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	34
2.3	Kompetensi Profesionalisme Guru	37
2.3.1	Teori Kompetensi Profesionalisme Guru	37
2.3.2	Model Kompetensi Profesionalisme Guru	38
2.3.3	Kajian Lepas Berhubung Kompetensi Profesionalisme Guru	45
2.4	Kompetensi Peribadi Guru	47
2.4.1	Teori Kompetensi Peribadi Guru	48
2.4.2	Model Kompetensi Peribadi Guru	53
2.4.3	Kajian Lepas Berhubung Kompetensi Peribadi Guru	54
2.5	Efikasi Pengajaran Guru	56
2.5.1	Teori Efikasi Pengajaran Guru	58

2.5.2	Model Efikasi Pengajaran Guru	59
2.5.3	Kajian Lepas Berhubung Efikasi Pengajaran Guru	64
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	66
2.8	Kesimpulan	68

### **BAB 3 : METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Variabel Kajian	71
3.3.1	Variabel Bersandar	71
3.3.2	Variabel Tidak Bersandar	72
3.4	Populasi Kajian	73
3.5	Pensampelan	74
3.5.1	Pemilihan Responden	77
3.6	Lokasi Kajian	79
3.7	Instrumen	80
3.7.1	Bahagian A: Demografi	81
3.7.2	Bahagian B: Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	82
3.7.3	Bahagian C: Kompetensi Profesionalisme Guru	83
3.7.4	Bahagian D: Kompetensi Peribadi Guru	84
3.7.5	Bahagian E: Efikasi Pengajaran Guru	85
3.8	Kesahan dan Keboleh Percayaan Instrumen	86
3.9	Pemarkatan Soal Selidik	87
3.10	Kajian Rintis	88
3.10.1	Dapatan Kajian Rintis	89
3.11	Prosedur Kajian	91
3.12	Kaedah Statistik Bagi Penganalisan Data	93
3.12.1	Statistik Deskriptif	93
3.12.2	Statistik Inferens	94
3.12.3	Ujian- <i>t</i>	96
3.12.4	Ujian ANOVA	96
3.12.5	Korelasi <i>Pearson</i>	96
3.12.6	Regresi Berganda	97
3.13	Rumusan Pengujian Hipotesis	100
3.14	Kesimpulan	105

### **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	106
4.2	Demografi Responden	106
4.2.1	Analisis Demografi Mengikut Jantina	106
4.2.2	Analisis Demografi Mengikut Tempoh Perkhidmatan	107
4.3	Dapatan Kajian Deskriptif	107
4.3.1	Analisis Tahap Skor Min bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru dan Efikasi Pengajaran Guru	108
4.4	Dapatan Kajian Inferensi	110
4.4.1	Analisis Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru dan Efikasi	110

	Pengajaran Guru Berdasarkan Demografi	
4.4.2	Analisis Hubungan Antara Dimensi-dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar Dengan Efikasi Pengajaran Guru Bagi Guru-Guru Sekolah Rendah Di Pedalaman, Sabah.	118
4.4.3	Analisis Hubungan Antara Dimensi-dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru Dengan Efikasi Pengajaran Guru Bagi Guru- Guru Sekolah Rendah Di Pedalaman, Sabah.	125
4.4.4	Analisis Hubungan Antara Dimensi-dimensi Variabel kompetensi Peribadi Guru Dengan Efikasi Pengajaran Guru Bagi Guru-Guru Sekolah Rendah Di Pedalaman, Sabah.	129
4.4.5	Analisis Regresi Pengaruh Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru Dan kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru Bagi Guru-Guru Sekolah Rendah Di Pedalaman, Sabah	134
4.4.6	Pengaruh Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru Dan kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru Bagi Guru-Guru Sekolah Rendah Di Pedalaman, Sabah	135
4.5	Ringkasan Dapatan Kajian	138
4.5.1	Tahap Skor Min bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru dan Efikasi Pengajaran Guru	139
4.5.2	Perbezaan Skor Min Bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru Dan Efikasi Pengajaran Guru Berdasarkan Demografi	139
4.5.3	Hubungan Antara Dimensi-Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru Dan Efikasi Pengajaran Guru	140
4.5.4	Pengaruh variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru	143
4.6	Kesimpulan	144
 <b>BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pengenalan	145
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	145
5.3	Perbincangan	147
5.3.1	Tahap Kepimpinan Pengajaran Guru Besar Sekolah Rendah di Pedalaman, Sabah	147
5.3.2	Tahap Kompetensi Profesionalisme Guru Sekolah Rendah di Pedalaman, Sabah	150
5.3.3	Tahap Kompetensi Peribadi Guru Sekolah Rendah di Pedalaman, Sabah	154

5.3.4	Tahap Efikasi Pengajaran Guru Sekolah Rendah di Pedalaman, Sabah	156
5.3.5	Perbezaan Skor Min Bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, Kompetensi Peribadi Guru Dan Efikasi Pengajaran Guru Berdasarkan Demografi	159
5.3.6	Hubungan Antara Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru Dan Kompetensi Peribadi Guru Dengan Efikasi Pengajaran Guru	166
5.3.7	Pengaruh Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru	171
5.4	Implikasi Kajian	174
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori Dan Model	175
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	180
5.4.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	181
5.4.4	Implikasi Terhadap Guru	183
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	184
5.6	Penutup	187
<b>BIBLIOGRAFI</b>		189
<b>LAMPIRAN</b>		200



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	: Jenis-jenis Tret	49
Jadual 3.1	: Taburan Bilangan Sekolah Kawasan Pedalaman, Sabah	73
Jadual 3.2	: Taburan Bilangan Guru Kawasan Pedalaman, Sabah	74
Jadual 3.3	: Bilangan Responden Yang Diambil	78
Jadual 3.4	: Senarai Sekolah Yang Terlibat Dalam Kajian	80
Jadual 3.5	: Instrumen Soal Selidik	81
Jadual 3.6	: Instrumen Soal Selidik Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	82
Jadual 3.7	: Instrumen Soal Selidik Kompetensi Profesional	84
Jadual 3.8	: Instrumen Soal selidik Kompetensi Peribadi	85
Jadual 3.9	: Instrumen Soal Selidik Efikasi Pengajaran Guru	86
Jadual 3.10	: Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	87
Jadual 3.11	: Senarai Skala <i>Likert</i>	87
Jadual 3.12	: Nilai Skor Min	88
Jadual 3.13	: Responden Kajian Rintis Berdasarkan Jantina	89
Jadual 3.14	: Analisis Keboleh percayaan Item	89
Jadual 3.15	: Analisis Normaliti	90
Jadual 3.16	: Analisis Deskriptif	94
Jadual 3.17	: Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	96
Jadual 3.18	: Kekuatan Pengaruh	99
Jadual 3.19	: Rumusan Pengujian Hipotesis	100
Jadual 4.1	: Taburan Responden Mengikut Jantina	107
Jadual 4.2	: Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	107
Jadual 4.3	: Skor Min Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	108
Jadual 4.4	: Skor Min Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru	108
Jadual 4.5	: Skor Min Variabel Kompetensi Peribadi Guru	109
Jadual 4.6	: Skor Min Variabel Efikasi Pengajaran Guru	109
Jadual 4.7	: Ujian- <i>t</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar Berdasarkan Jantina (n=361)	111
Jadual 4.8	: Ujian- <i>t</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru Berdasarkan Jantina (n=361)	112
Jadual 4.9	: Ujian- <i>t</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kompetensi Peribadi Guru Berdasarkan Jantina (n=361)	112
Jadual 4.10	: Ujian- <i>t</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Efikasi Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina (n=361)	113
Jadual 4.11	: Analisis Skor Min bagi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=361)	113

Jadual 4.12	: Ujian ANOVA dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=361)	114
Jadual 4.13	: Ujian <i>Post Hoc</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=361)	114
Jadual 4.14	: Ujian ANOVA dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kompetensi Peribadi Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=334)	115
Jadual 4.15	: Ujian <i>Post Hoc</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Kompetensi Peribadi Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=361)	116
Jadual 4.16	: Ujian ANOVA dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Efikasi Pengajaran Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=361)	116
Jadual 4.17	: Ujian <i>Post Hoc</i> dan Perbezaan Skor Min bagi Variabel Efikasi Pengajaran Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (n=361)	117
Jadual 4.18	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Penentuan Matlamat Sekolah) dengan Efikasi Pengajaran Guru (n=361)	118
Jadual 4.19	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Penjelasan Matlamat Sekolah) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	119
Jadual 4.20	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Menyelia Dan Menilai Pengajaran) dengan Efikasi Pengajaran Guru (n=361)	119
Jadual 4.21	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Penyelarasan Kurikulum) dengan Efikasi Pengajaran Guru (n=361)	120
Jadual 4.22	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Pemantauan Kemajuan Pelajar) dengan Efikasi Pengajaran Guru (n=361)	121
Jadual 4.23	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Memantau Masa Pengajaran Dan Pembelajaran) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	121
Jadual 4.24	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Sokongan Dalam Aktiviti Pengajaran) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	122
Jadual 4.25	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Memberi Insentif Kepada Pelajar) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	123
Jadual 4.26	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Penggalakan Perkembangan Profesional) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	123

Jadual 4.27	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Penguatkuasaan Dasar Akademik)Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	124
Jadual 4.28	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar(Memberi Insentif Untuk Pembelajaran) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	124
Jadual 4.29	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Kecintaan Terhadap Profesion) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	125
Jadual 4.30	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Berketrampilan) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	126
Jadual 4.31	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Integriti) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	126
Jadual 4.32	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Teladan) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	127
Jadual 4.33	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Kerja Berpasukan) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	127
Jadual 4.34	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Proaktif) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	128
Jadual 4.35	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Kreatif Dan Inovatif) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	128
Jadual 4.36	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Profesionalisme Guru (Kefahaman Strategi Pdp) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	129
Jadual 4.37	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru (Amanah) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	130
Jadual 4.38	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru(Ikhlas) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	130
Jadual 4.39	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru(Berilmu Pengetahuan) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	131
Jadual 4.40	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru(Kasih Sayang) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	131
Jadual 4.41	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru (Kesabaran) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	132
Jadual 4.42	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru(Adil) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	132
Jadual 4.43	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru(Kemahiran Interpersonal) Dengan	133

	Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	
Jadual 4.44	: Ujian Analisis Korelasi Dimensi Variabel Kompetensi Peribadi Guru(Efisien) Dengan Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	133
Jadual 4.45	: Ringkasan Model Regresi Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru	136
Jadual 4.46	: Analisis Varians (ANOVA)	137
Jadual 4.47	: Analisis Regresi Variabel Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru (N=361)	138




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Model Hallinger dan Murphy (1985)	32
Rajah 2.2 : Model Standard Guru Malaysia (2009)	39
Rajah 2.3 : Model Standard Kompetensi <i>Chatered Teacher</i> Scotland (2002)	43
Rajah 2.4 : Model Efikasi Guru (1998)	60
Rajah 2.5 : Model kajian Taylor dan Tashakkori (1995)	63
Rajah 2.6 : Model Kajian Hipp (1996)	64
Rajah 2.7 : Kerangka konseptual pengaruh kepemimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme dan kompetensi peribadi guru terhadap efikasi pengajaran guru sekolah rendah di Sabah.	67
Rajah 3.1 : Prosedur Kajian	93



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## GLOSARI AKRONIM

<b>PdP</b>	-	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>BBM</b>	-	Bahan bantu mengajar
<b>KPM</b>	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>PPPM</b>	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<b>NKRA</b>	-	Bidang Keberhasilan Utama Negara
<b>PIBG</b>	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
<b>UPSR</b>	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
<b>GPN</b>	-	Gred Purata Negara
<b>IQ</b>	-	<i>Intelligence Quotient</i>
<b>IPT</b>	-	Institut Pengajian Tinggi
<b>IPG</b>	-	Institusi Latihan Perguruan
<b>ICT</b>	-	Informasi Komunikasi Teknologi
<b>UTM</b>	-	Universiti Teknologi Malaysia
<b>PBS</b>	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
<b>KBAT</b>	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
<b>SGM</b>	-	Standard Guru Malaysia
<b>FPN</b>	-	Falsafah Pendidikan Negara
<b>SBT</b>	-	Sekolah Berprestasi Tinggi
<b>TSLN</b>	-	<i>Thinking School Learning Nation</i>
<b>TES</b>	-	<i>Teachers Efficacy Scale</i>
<b>GPI</b>	-	Guru Pendidikan Islam
<b>SPSS</b>	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
<b>GPS</b>	-	Gred Purata Sekolah
<b>GPMP</b>	-	Gred Purata Mata Pelajaran
<b>SPR</b>	-	Sekolah Prestasi Rendah
<b>SPA</b>	-	Sektor Pengurusan Akademik
<b>SJK</b>	-	Sektor Jaminan Kualiti
<b>PPD</b>	-	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>JPNS</b>	-	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
<b>PIMRS</b>	-	<i>Principal Instructional Management Rating Scale</i>
<b>EFA</b>	-	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
<b>EPRD</b>	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<b>KMO</b>	-	<i>Keiser-Meyers-Olkin</i>
<b>SSG</b>	-	Soal Selidik Guru
<b>VIF</b>	-	<i>'Variance Inflation Factor'</i>

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Instrumen Soal Selidik	199
Lampiran B : Senarai Panel Pakar Membuat Kesahan Muka dan Kandungan Item Instrumen	208
Lampiran C : Pengesahan Kandungan oleh Panel Pakar	209
Lampiran D : Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada KPM dan JPNS	215
Lampiran E : Jadual Pensampelan	217
Lampiran F : Seminar yang Dihadiri (Pembentang)	219
Lampiran G : Penulisan/Penerbitan Ilmiah (Jurnal)	220



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Prestasi peperiksaan sentiasa mendapat perhatian dalam setiap lapisan masyarakat. Tidak hairanlah apabila negara-negara maju mahupun negara membangun berusaha menggubal dasar pendidikan sendiri bagi menjamin kecemerlangan pendidikan mereka. Namun kadang kita lupa bahawa kecemerlangan akademik ini pastinya ditunjangi oleh sesuatu mekanisma. Bagi negara kita Malaysia amnya, kita boleh simpulkan bahawa kecemerlangan akademik murid pastinya bergantung kepada kecemerlangan tenaga pengajar yang menjadi barisan hadapan dalam membentuk dan mengembangkan akademik murid.

Efikasi merupakan satu perkataan yang membawa tafsiran sebagai aras keupayaan sendiri dalam menghasilkan sesuatu keputusan sebelum bertindak. Efikasi dalam diri seorang guru sangat penting kerana efikasi akan menentukan sejauh mana keberkesanan guru dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai pendidik. Berdasarkan kepada sifat relatifnya yang baharu dalam dunia pendidikan, lebih banyak penyelidikan diperlukan supaya pengetahuan mengenai efikasi lebih meluas dan mendalam.

Henson (2001), berpendapat bahawa efikasi pengajaran guru adalah satu sikap yang membolehkan guru mempunyai keyakinan dan kepercayaan dalam membantu perkembangan murid dalam akademik. Menurut Henson (2001) lagi, tahap efikasi pengajaran guru akan mempengaruhi tindakan, pengurusan dan usaha-usaha dalam mendisiplinkan murid. Guru yang berefikasi juga mudah untuk berkolaboratif dengan rakan guru yang lain.

Dalam pelaporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2009, terdapat data yang menunjukkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan belanjawan yang besar bagi membantu penambahbaikan kemudahan pendidikan di

kawasan luar bandar dan juga kawasan Pedalaman bagi seluruh negara. Peruntukan kewangan yang disediakan membuktikan bahawa kerajaan melalui KPM memandang serius terhadap pembangunan pendidikan negara. Usaha-usaha merapatkan jurang pembelajaran antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar khususnya kawasan Pedalaman memang tepat pada waktunya. Kawasan Pedalaman sering merekodkan pencapaian yang kurang memberangsangkan dan seringkali menjadi penyumbang kepada penurunan pencapaian keseluruhan dalam peperiksaan awam. Jurang pencapaian akademik antara kawasan Pedalaman dengan kawasan bandar masih amat besar dan situasi ini perlu ditangani agar kawasan Pedalaman tidak ketinggalan. Kawasan Pedalaman memerlukan semua aspek prasarana dan tenaga guru yang terlatih dan berkemahiran demi untuk membantu perkembangan akademik. Menurut analisa Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2007), negeri Sabah adalah negeri yang mempunyai bilangan sekolah paling banyak di kawasan Pedalaman. Senario ini memberi impak yang besar terhadap prestasi negeri Sabah secara keseluruhannya. Penyelidik berpendapat tahap efikasi pengajaran guru akan memainkan peranan penting dalam menentukan arah tuju perkembangan akademik sekolah. Tahap efikasi pengajaran guru pula sudah pasti dipengaruhi oleh faktor-faktor penentu yang akhirnya akan menentukan tahap efikasi pengajaran guru tersebut.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini dibuat untuk mendapatkan kepastian berikutan dengan fenomena prestasi akademik Sabah yang sentiasa berada di tangga ke enam belas di Malaysia dalam aspek pencapaian akademik (JPN, 2015). Senario pencapaian ini menyebabkan kredibiliti guru sebagai pendidik semakin merosot di kaca mata masyarakat. Keadaan ini juga menunjukkan seolah-olah guru tidak mempunyai keupayaan dalam membantu perkembangan akademik murid. Keupayaan guru pula didasari oleh tahap efikasi pengajaran guru itu sendiri. Tahap efikasi pengajaran guru ini pula banyak dipengaruhi oleh kompetensi guru dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai pendidik. Guru-guru yang mempunyai tahap kompetensi profesionalisme dan kompetensi peribadi yang tinggi berupaya melahirkan murid yang berketerampilan dan cemerlang.

Kejayaan seorang guru banyak didasari oleh tahap ilmu pengetahuan yang dimilikinya dan juga keupayaannya dalam membantu murid untuk meningkatkan pembelajaran. Sesuai dengan tafsiran efikasi itu sendiri yang bermaksud kepercayaan kepada keupayaan sendiri dalam membantu meningkatkan perkembangan akademik murid, maka tidak hairanlah efikasi pengajaran dijadikan sebagai isu utama yang mendasari kajian ini. Guru-guru di Pedalaman, Sabah sememangnya menghadapi pelbagai rintangan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik.

Apabila menyentuh berkaitan pembentukan keperibadian murid, peribadi pertama yang akan dipertanggungjawabkan adalah insan yang bergelar guru. Justeru, guru mestilah menunjukkan keperibadian yang boleh diteladani kerana murid cenderung untuk menjadikan seorang guru itu sebagai panduan atau contoh. Keperibadian guru yang tidak baik akan memberikan kesan yang tidak baik dalam pembentukan keperibadian murid. Mulyasa (2007), guru yang mempunyai keperibadian yang baik mampu memberikan impak yang tinggi terhadap perkembangan akademik murid dalam kelas.

Sabah mempunyai keluasan kedua terbesar di Malaysia dan mempunyai bentuk muka bumi yang pelbagai. Kawasan tanah pamah, kawasan pantai, kawasan lereng bukit dan juga kawasan tanah tinggi. Keluasan negeri Sabah yang besar menyebabkan penduduknya tersebar di merata tempat. Kawasan Pedalaman, satu kawasan yang menjadi mimpi ngeri khususnya bagi golongan guru yang ditugaskan di kawasan tersebut. Kebanyakan guru berasa risau apabila ditempatkan atau dipindahkan ke kawasan Pedalaman dan kerisauan ini mempunyai asas kerana terdapat beberapa sekolah yang hanya boleh dihubungi menggunakan perahu dan juga berjalan kaki. Sudah tentu sekolah-sekolah yang jauh ini prasarananya amat ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah di bandar.

Profesion perguruan menuntut sifat profesionalisme yang tinggi dalam kalangan guru. Profesionalisme yang tinggi pula memerlukan guru yang mempunyai nilai budi dan peribadi yang cemerlang (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Antara nilai peribadi yang cemerlang ialah bekerja keras, berakhlak mulia, mempunyai emosi yang mantap, menepati masa dan disiplin

kendiri yang utuh. Ini amat penting kerana dapat menarik minat murid terhadap pembelajaran yang dibuat oleh guru. Setiap aktiviti yang dijalankan oleh guru dalam bilik darjah mempunyai impak dua kali ganda dalam pencapaian murid.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Sebagai pendidik, guru-guru mestilah mempunyai ilmu yang mencukupi untuk memastikan tanggungjawab yang diberi dapat dilaksanakan dengan baik. Apatah lagi berkhidmat di kawasan Pedalaman yang pastinya akan menemui seribu satu macam masalah. Guru merupakan agen dalam menyampaikan pendidikan yang berkualiti kepada para murid. Pendidikan berkualiti dapat disampaikan sekiranya guru tersebut mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan pembelajaran. Daya imaginasi yang tinggi diperlukan dalam kalangan guru bagi membolehkan para guru membuat kepelbagaian contoh yang dapat membantu para murid memahami pembelajaran dengan lebih mudah.

Masyarakat semakin mempersoalkan keupayaan guru dalam memikul tanggungjawab mendidik anak-anak murid. Pencapaian peperiksaan awam telah dijadikan sebagai kayu pengukur terhadap kemampuan guru. Keputusan peperiksaan awam yang sentiasa menjadi juara tempat ke enam belas di Malaysia menyemarakkan lagi persoalan masyarakat terhadap kemampuan guru di sekolah. Keupayaan guru dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik pula ditunjangi oleh tahap efikasi pengajaran guru itu sendiri. Berdasarkan dapatan kajian terdahulu, mendapati tahap efikasi pengajaran dalam diri seseorang guru akan menentukan pencapaian akademik dan bukan akademik bagi para murid dan juga sekolah. Tahap efikasi pengajaran bagi guru sudah pasti di pengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Dalam kajian ini, perbincangan akan fokus kepada tiga faktor utama yang banyak menyumbang kepada penentuan tahap efikasi pengajaran bagi guru.

Faktor pertama yang mempengaruhi tahap efikasi pengajaran guru adalah kepimpinan pengajaran guru besar. Penyelidik terdahulu seperti Mohd. Yusri Ibrahim dan Aziz Amin (2014), mendapati tahap kepimpinan pengajaran dalam kalangan pengetua (dalam konteks kajian ini adalah guru besar) akan

mempengaruhi pencapaian akademik murid dan juga sekolah. Kejayaan sesebuah sekolah bergantung kepada kombinasi antara guru besar dengan guru di bawah seliaannya. Sebagai pentadbir sekolah, guru besar akan memainkan peranannya dalam memastikan pelaksanaan PdP berjalan seperti yang dirancang dan akhirnya akan mencapai objektif yang ditetapkan. Pengajaran berkesan sudah pasti memberikan kesan yang baik terhadap pembelajaran. Guru besar akan memastikan guru-guru dapat menjalankan PdP dengan baik.

Dalam situasi ini guru besar akan memainkan peranan bukan sahaja sebagai pentadbir akan tetapi juga sebagai pemimpin pengajaran bagi guru. Guru besar akan bertindak mengurus pengagihan tanggungjawab semua guru di peringkat sekolah dengan bijak agar tiada guru yang berasa terbeban dengan tugas yang diberikan. Guru besar akan membuat pemantauan agar guru-guru berada pada landasan yang betul semasa menjalankan semua tanggungjawab yang diberi. Guru besar juga perlu mengambil bahagian dalam proses PdP agar guru besar mendapat gambaran sebenar situasi yang dihadapi oleh guru dalam menunaikan tanggungjawabnya sebagai pendidik, seterusnya dapat memberikan cadangan penambahbaikan kepada guru terbabit agar masalah yang dihadapi dapat diatasi.

Tanggungjawab sebagai pendidik merupakan satu tanggungjawab yang berat untuk digalas apatah lagi sekiranya guru tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap. Kegagalan memahami dan menerapkan kaedah pengajaran boleh menjadi satu punca kepada kegagalan murid untuk menerima pembelajaran berkesan. Guru novis perlu menimba lebih banyak pengalaman. Pengalaman banyak memberikan sumbangan kepada peningkatan pengetahuan guru.

Faktor kedua yang mempengaruhi tahap efikasi pengajaran guru adalah kompetensi profesionalisme guru. Nur hafizah Idris dan Rohana Hamzah (2013), mendapati tahap kompetensi profesionalisme guru yang rendah memberikan impak negatif terhadap pencapaian akademik dan juga perkembangan positif sekolah. Kompetensi profesionalisme guru penting untuk diselidiki kerana kompetensi boleh mempengaruhi tahap efikasi pengajaran guru yang mana akan menentukan kejayaan guru dalam menjalankan tanggungjawabnya. Guru dikatakan kompeten apabila menguasai kecekapan bekerja dalam bidang tertentu. Guru yang kompeten mampu untuk menjalankan tugas bukan sahaja mengajar tetapi juga mampu